

“KAK LONG dah habis ganti puasa belum? Rejab dah nak habis. Tak lama lagi masuk Syaaban. Cepat-cepat ganti nanti tak larat nak bayar fidyah.” Sering kali kedengaran ucapan itu apabila menjelang Ramadan.

Bayar fidyah? Apa itu fidyah, menurut Eksekutif Komunikasi Korporat Lembaga Zakat Selangor (Mais), Ustaz Hamizul Abdul Hamid berpandangan fidyah adalah bayaran yang wajib dikeluarkan bagi mereka yang telah meninggalkan puasa Ramadan atas sebab yang tertentu. Sebab-sebab ini boleh jadi kerana keuzuran yang diharuskan syarak, ataupun kerana kelalaian diri sendiri.

“Mungkin ada yang menganggap fidyah seperti denda. Hakikatnya, fidyah diwajibkan demi mendidik manusia agar tidak mengambil lewa ibadah puasa. Andai seseorang meninggalkannya, maka mereka wajib bersegera mengqadanya.

“Kegagalan mengqada puasa sehingga masuk Ramadan berikutnya, bukan sahaja sudah dikenakan fidyah; bahkan hakikatnya mereka sudah pun berdosa kepada ALLAH SWT.

Dalil mengenai kewajipan pembayaran fidyah ada dinyatakan oleh ALLAH seperti mana firman-Nya yang bermaksud: “Dan wajib bagi orang-orang yang berat menjalankannya (kerana uzur atau tidak mampu berpuasa) membayar fidyah, (iaitu): memberi makan seorang miskin.” (Surah Al-Baqarah : 184)

Situasi berfidyah

Hamizul berkata, kebiasaannya, fidyah akan dikenakan kepada mereka yang menghadapi situasi berikut:

1. Wanita yang kedatangan haid atau melahirkan anak dan kedatangan nifas,

Didik Muslim tunaikan kewajiban

Sinar 22/6/12
MSH



HAMIZUL



Wanita mengandung mampu berpuasa penuh jika tidak memudaratkan kesihatannya.

...makanan anak dan keadaannya mis, maka mereka memang tidak dibolehkan berpuasa. Mereka wajib mengqada puasa itu sebanyak hari yang ditinggalkan sebelum tibanya Ramadan yang akan datang. Apabila mereka gagal mengqadanya sehingga datangnya Ramadan berikutnya, maka wajiblah mereka membayar fidyah berdasarkan jumlah hari yang ditinggalkan. Wanita yang sedang mengandung atau menyusukan anak kecil. Dalam kes ini, seandainya wanita berkenaan tidak berpuasa Ramadan semata-mata kerana bimbang keselamatan kandungan atau anak kecilnya, maka wanita berkenaan wajib mengqada puasa dan juga mengeluarkan fidyah berdasarkan jumlah hari yang ditinggalkan sebelum tibanya Ramadan yang akan datang. Seandainya wanita itu tidak berpuasa hanya semata-mata bimbang keselamatan dirinya sendiri, maka dia hanya wajib mengqada puasanya dan tidak wajib mengeluarkan fidyah; kecuali berlaku kecuaiannya seperti dalam kes (1) di atas.



Fidyah dengan secupak beras.
- Gambar hiasan

Orang yang sedang bermusafir atau ditimpa musibah kesakitan yang menyebabkan mereka tidak mampu atau tidak boleh berpuasa atau atas sebab-sebab lain yang diizinkan syarak untuk membuka puasa, maka wajib bagi mereka mengqada puasa dan seandainya mereka melalaikannya seperti kes (1), maka wajib mereka mengeluarkan fidyahnya. Orang yang sudah terlalu tua dan amat uzur sehingga tidak mampu berpuasa pada bulan Ramadan dan jika berpuasa membahayakan diri pula, maka mereka diizinkan oleh syarak untuk tidak berpuasa dan wajiblah bagi mereka mengeluarkan fidyah sepanjang hari atau sebulan puasa yang ditinggalkan.

Jangan mengabaikan pembayarannya fidyah

5. Orang yang sakit yang serius yang telah menghalangi kemampuannya untuk berpuasa sepanjang hayatnya (misalnya koma), maka wajiblah dikeluarkan fidyah ke atasnya oleh warisnya.

Fuqaha menetapkan bahawa, fidyah hendaklah dikeluarkan sesuai dengan makanan asasi di sesebuah tempat berkenaan. Ibn Qudamah misalnya menyatakan: "Memberi makan seorang miskin adalah sebesar satu cupak gandum atau setengah sha' kurma." (*Ensaiiklopedia Fiqh Wanita Jilid 2, hal. 249*).

Pada sisi Syafi'iyah dinyatakan: "Apabila orang yang terlalu tua terpaksa membuka, dia wajib bersedekah satu cupak makanan asasi bagi setiap hari yang ditinggalkan." (*Fiqh al-Manhaji, hal. 506*). Pada sisi Hanafi pula: "Boleh membayar

fidyah dengan wang, iaitu dengan memberikan wang yang sama nilainya dengan setengah sha' gandum atau satu sha' kurma kepada seorang miskin." (*Ensaiiklopedia Fiqh Wanita Jilid 2, hal. 249*).

"Maka, berdasarkan pernyataan di atas, ada dua pandangan, sama ada mengeluarkan fidyah dengan makanan asasi atau dengan wang. Dalam konteks amalan hari ini, sudah pasti memberikan wang adalah lebih praktikal; namun pada sisi Syafie, memberikan makanan asasi dianggap lebih utama," ulasnya panjang.

Cara pembayaran

Hamizul menambah, mengeluarkan fidyah boleh dilakukan, sama ada dengan mencari sendiri golongan fakir dan miskin ataupun membayar harga fidyah berdasarkan jumlah hari yang ditinggalkan kepada pihak pusat zakat.

"Jika di Selangor, Lembaga Zakat Selangor (LZS) boleh menerima harga fidyah, dan ditetapkan secupak beras bersamaan RM1.75. Maka, darabkan sahaja jumlah hari yang ditinggalkan puasa itu dengan RM1.75 dan boleh dikeluarkan kepada pihak LZS. Selanjutnya, pihak LZS akan menyalurkan kembali fidyah berkenaan kepada fakir dan miskin yang memerlukan.

"Berkenaan individu yang mahu membayar fidyah setelah lama tidak membayarnya adalah wajib bagi orang yang berkenaan dengan segera mengira fidyahnya dan mengeluarkannya. Jika sukar untuk mengirannya, boleh layari laman sesawang LZS iaitu <http://www.e-zakat.com.my/kalkulator-zakat/fidyah/>. Bahkan, mereka boleh juga meminta pegawai zakat untuk menolong mengirakannya.

Menurutnya ada juga yang bertanya, adakah fidyah ini berganda? Pendapat mengenai gandaan tersebut sebenarnya adalah khilaf dalam kalangan fuqaha. Berdasarkan keputusan Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor yang bersidang pada 2001, maka diputuskan bahawa tidak wajib menggandakan fidyah.

Bagaimanapun, ia masih tergantung kepada kemampuan pembayar fidyah itu sendiri. Seandainya mereka mampu dan mahu membayar gandaan fidyah berkenaan, maka hukumnya adalah dibolehkan.